



## BANK MUAMALAT CREDIT CARD-i BALANCE TRANSFER PLAN

### Frequently Asked Questions (FAQs)

#### 1. What are the benefits of a Balance Transfer?

There are multiple benefits of doing a Balance Transfer. Some of these benefits are summarized below:-

- i. You could save money on interest/profit payments when you transfer your credit card balance from other banks or card issuers in Malaysia to a Bank Muamalat Credit Card-i account that has a lower rate;
- ii. Pay off your outstanding balances faster and you may also reduce your credit card debt by moving your outstanding balances from a higher interest/profit bearing card to a lower profit rate card;
- iii. You can manage your finances easier by consolidating your multiple credit card balances into just one card. This can also improve how you track your credit card debt.

#### 2. How do I transfer my balance when I am setting up a new Bank Muamalat Credit Card-i?

With your new Bank Muamalat Credit Card-i, you can request a Balance Transfer from the existing card and Bank Muamalat will arrange to transfer the balance for you. Note that you must activate your Bank Muamalat Credit Card-i account for the Balance Transfer to take place.

If you take advantage of the promotional Balance Transfer rate offer, the period starts when the balance is transferred.

#### 3. What are the Balance Transfer plans that Bank Muamalat Credit Card-i offers?

The Balance Transfer plans are summarized in the table below:-

Tenure	Profit Rate (One off charge)	Minimum Transfer	Maximum Transfer
6 months	0%	RM3,000	Up to 70% of available credit limit
12 months	2.5%	RM5,000	
12 months	0% <i>(Valid till 30 September 2022)</i>	RM1,000	

#### 4. What is the minimum and maximum amount for the Bank Muamalat Balance Transfer plan?

The minimum amount is as per indicated in the table in point (3) above and the maximum amount is up to 70% of the available credit limit or the remaining unutilised limit, whichever is lower.

#### 5. Who can apply for this Balance Transfer plan?

This Balance Transfer plan is open to all Principal Cardholders of Bank Muamalat Credit Card-i whose account is in good standing order and subject to Bank's approval.



**6. Can a Supplementary Cardholder be eligible to apply for the Balance Transfer plan?**

No. The Balance Transfer is only open to Principal Cardholders as per point (5) above.

**7. As a Principal Cardholder, can I apply for more than one (1) plan?**

Yes. Cardholders may apply for multiple plans or Balance Transfers, provided that there is sufficient available credit limit which does not exceed 70% of the assigned or available limit.

**8. As a Bank Muamalat Staff, am I eligible to apply for the Balance Transfer plan?**

Yes.

**9. Is there any early settlement fee or charge, if I make early payments to settle my outstanding Balance Transfer amount?**

No. There will be no early settlement fee or charge imposed.

**10. What would happen if I fail to pay the Balance Transfer monthly payment in full?**

Failure to make your Balance Transfer monthly payment in full will incur a late payment compensation charge of 1% on the outstanding balance of the Balance Transfer monthly payment (subject to a minimum of RM10 and maximum of RM100).

In addition the annual profit charge of 18% per annum will be imposed for any outstanding amount due and remaining unpaid to the Bank under the Balance Transfer facility.

**11. How can I apply for the Bank Muamalat Credit Card-i Balance Transfer plan?**

To apply for the Balance Transfer Plan, please follow the following steps:-

Step 1: Download the Balance Transfer Application Form from [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my);

Step 2: Complete the Balance Transfer Application Form;

Step 3: Attach the latest 2 months credit card statement from the other Bank/Card Issuer;

Step 4: E-mail it to [balancetransfer@muamalat.com.my](mailto:balancetransfer@muamalat.com.my) or you may drop it off at the nearest Bank Muamalat Branch.

**12. How long will my Balance Transfer application take to be processed?**

Approval process may take up to seven (7) working days.

Remember to stay current on your credit card payments with your non-Bank Muamalat Credit Card issuer until your Balance Transfer has been posted to your Bank Muamalat Credit Card-i account.



**13. How will I know whether my Balance Transfer application has been approved or declined?**

You will be informed on the status of your application via SMS (short message service) notification.

Please continue to make payments on your other Banks credit card account until you know that the transferred amount has been posted into you Bank Muamalat Credit Card-i account and the balance has been paid.

**14. Under what circumstances can the Bank decline my Balance Transfer application?**

The Bank may decline your application under any one or a combination of the following circumstances:-

- i. Your Bank Muamalat Credit Card-i account is past due or overlimit;
- ii. You have exceeded the maximum transfer limit amount; or
- iii. If you are in breach of your Cardholder Agreement with Bank Muamalat Malaysia Berhad.

**END OF BANK MUAMALAT CREDIT CARD-i BALANCE TRANSFER PLAN  
FREQUENTLY ASKED QUESTIONS**



## PELAN PEMINDAHAN BAKI KAD KREDIT-i BANK MUAMALAT

### Soalan-soalan Lazim

#### 1. Apakah kelebihan melakukan Pemindahan Baki?

Terdapat pelbagai kelebihan melakukan Pemindahan Baki. Kelebihan-kelebihan ini diringkaskan seperti berikut: -

- i. Anda boleh mendapatkan penjimatan di dalam pembayaran faedah/keuntungan apabila anda memindahkan baki kad kredit anda dari kad kredit bank atau pengeluar kad lain di Malaysia ke akaun Kad Kredit-i Bank Muamalat yang mempunyai kadar yang lebih rendah;
- ii. Anda boleh menjelaskan baki tertunggak anda dengan lebih cepat dan juga mengurangkan hutang kad kredit anda dengan memindahkan baki tertunggak anda dari kad yang mempunyai faedah/keuntungan lebih tinggi ke kad yang menawarkan kadar keuntungan yang lebih rendah;
- iii. Anda dapat menguruskan kewangan anda dengan lebih mudah dengan menggabungkan baki kad-kad kredit anda ke dalam satu kad sahaja. Ia dapat menambah baik cara pengurusan hutang kad kredit anda.

#### 2. Bagaimanakah saya boleh memindahkan baki saya ke Kad Kredit-i Bank Muamalat yang baru?

Dengan Kad Kredit-i Bank Muamalat, anda boleh membuat Pemindahan Baki dari kad yang sedia ada dan Bank Muamalat akan mengaturkan untuk memindahkan baki bagi pihak anda. Anda mesti mengaktifkan akaun Kad Kredit-i Bank Muamalat anda untuk Pemindahan Baki dilaksanakan.

Sekiranya anda memilih tawaran promosi kadar Pemindahan Baki, tempoh pemindahan akan bermula apabila baki dipindahkan.

#### 3. Apakah pelan-pelan Pemindahan Baki yang ditawarkan oleh Kad Kredit-i Bank Muamalat?

Pelan-pelan Pemindahan Baki yang ditawarkan adalah seperti dalam jadual di bawah:-

Tempoh	Kadar Keuntungan (sekali caj)	Pemindahan Minimum	Pemindahan Maksimum
6 bulan	0%	RM3,000	Sehingga 70% daripada had kredit yang ada
12 bulan	2.5%	RM5,000	
12 bulan <i>(Sah sehingga 30 September 2022)</i>	0%	RM1,000	

#### 4. Berapakah jumlah minimum dan maksimum untuk pelan Pemindahan Baki Bank Muamalat?

Jumlah minimum adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di soalan (3) di atas dan jumlah maksimum adalah sehingga 70% daripada baki had kad yang sedia ada, atau baki had yang belum terpakai, yang mana lebih rendah.



5. **Siapakah yang boleh memohon untuk pelan Pemindahan Baki ini?**  
Pelan Pemindahan Baki ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Utama Kad Kredit-i Bank Muamalat di mana akaun mereka berada dalam keadaan yang memuaskan dan tertakluk kepada kelulusan Bank.
6. **Bolehkah Pemegang Kad Tambahan memohon untuk pelan Pemindahan Baki ini?**  
Tidak. Pemindahan Baki hanya terbuka untuk Pemegang Kad Utama seperti dinyatakan pada soalan (5) di atas.
7. **Sebagai Pemegang Kad Utama, bolehkah saya memohon lebih daripada satu (1) pelan?**  
Ya. Pemegang Kad boleh memohon lebih daripada satu (1) pelan Pemindahan Baki, dengan syarat had kredit mereka mencukupi dan tidak melebihi daripada 70% daripada baki had yang ditetapkan atau sedia ada.
8. **Sebagai kakitangan Bank Muamalat, adakah saya layak untuk memohon pelan Pemindahan Baki?**  
Ya.
9. **Adakah terdapat sebarang bayaran atau caj penyelesaian awal, sekiranya saya membuat pembayaran awal untuk menjelaskan jumlah Pemindahan Baki tertunggak?**  
Tidak. Tiada sebarang bayaran atau caj penyelesaian awal yang akan dikenakan.
10. **Apakah yang akan berlaku sekiranya saya gagal untuk membayar dengan penuh pembayaran bulanan Pemindahan Baki?**  
Kegagalan untuk membayar secara penuh pembayaran bulanan Pemindahan Baki, akan dikenakan caj pembayaran lewat sebanyak 1% ke atas baki bulanan Pemindahan Baki yang tertunggak (tertakluk kepada minimum RM10 dan maksimum RM100).  
  
Juga, caj keuntungan tahunan sebanyak 18% setahun akan dikenakan ke atas sebarang jumlah yang tertunggak dan masih belum dibayar kepada Bank di bawah kemudahan Pemindahan Baki ini.
11. **Bagaimakah saya boleh memohon pelan Pemindahan Baki Kad Kredit-i Bank Muamalat?**  
Untuk memohon Pelan Pemindahan Baki, sila ikuti langkah-langkah berikut: -
  - Langkah 1: Muat turun Borang Permohonan Pemindahan Baki dari [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my);
  - Langkah 2: Lengkapkan Borang Permohonan Pemindahan Baki;
  - Langkah 3: Lampirkan penyata kad kredit 1 bulan terkini Bank dan/atau pengeluar kad yang berkenaan;
  - Langkah 4: E-mel ke [balancetransfer@muamalat.com.my](mailto:balancetransfer@muamalat.com.my) atau anda juga boleh menghantar ke Cawangan Bank Muamalat yang terdekat.



**12. Berapa lamakah proses permohonan Pemindahan Baki?**

Proses kelulusan mungkin mengambil masa sehingga tujuh (7) hari bekerja.

Pastikan terus membayar kad kredit anda dengan Bank/Pengeluar Kad Kredit anda yang lain sehingga Pemindahan Baki anda telah dipindahkan ke akaun Kad Kredit-i Bank Muamalat anda.

**13. Bagaimakah saya akan mengetahui bahawa permohonan Pemindahan Baki saya berjaya atau tidak?**

Anda akan diberitahu berkenaan status permohonan anda melalui SMS (khidmat pesanan ringkas).

Sementara itu, teruskan dengan pembayaran ke kad kredit Bank/Pengeluar Kad anda yang lain sehingga anda mengetahui bahawa jumlah yang dipindahkan telah dimasukkan ke dalam akaun Kad Kredit-i Bank Muamalat anda dan baki tersebut telah dibayar.

**14. Dalam keadaan apakah Bank boleh menolak permohonan Pemindahan Baki saya?**

Bank boleh menolak permohonan anda berdasarkan salah satu atau gabungan sebab-sebab yang berikut: -

- i. Terdapat bayaran tertunggak atau perbelanjaan melebihi had di akaun Kad Kredit-i Bank Muamalat anda;
- ii. Anda telah melebihi jumlah had pemindahan maksimum; atau
- iii. Sekiranya anda melanggar Perjanjian Pemegang Kad Bank Muamalat Malaysia Berhad anda.

**PENGHJUNG SOALAN-SOALAN LAZIM PELAN PEMINDAHAN BAKI  
KAD KREDIT-i BANK MUAMALAT**